



Faculty of Applied and Creative Arts

**PENGURUSAN PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN KOLEKSI
UKIRAN TOPENG SARAWAK DI MUZIUM ETNOLOGI SARAWAK**

Cristie Misselin Guan

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

2016

**PENGURUSAN PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN KOLEKSI UKIRAN
TOPENG SARAWAK DI MUZIUM ETNOLOGI SARAWAK**

CRISTIE MISSELIN GUAN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report ✓

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of2016.

Student's Declaration:

I CRISTIE MISSELIN GUAN, 40969, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitle **PENGURUSAN PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN KOLEKSI UKIRAN TOPENG SARAWAK DI MUZIUM ETNOLOGI SARAWAK** is my original work. I have not copied from any other student's work or from any other source except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

CRISTIE MISSELIN GUAN
(40969)

Supervisor's Declaration:

I ENCIK ALEXANDER AK CHELUM hereby certifies that the work entitled **PENGURUSAN PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN KOLEKSI UKIRAN TOPENG SARAWAK DI MUZIUM ETNOLOGI SARAWAK** was prepared by the above named student and was submitted to the "FACULTY" as a* partial/fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED AND CREATIVE ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by : _____ date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*)
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copied for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student Signature: _____ Supervisor Signature: _____
(Cristie Misselin Guan) (Encik Alexander Ak Chelum)

Current Address:
KAMPUNG REMBUS, 94300, KOTA SAMARAHAN, SARAWAK

Note* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reason of confidentiality and restriction.

Projek bertajuk ‘**Pengurusan Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Koleksi Ukiran Topeng Sarawak Di Muzium Etnologi Sarawak**’ telah disediakan oleh **Cristie Misselin Guan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Encik Alexander Anak Chelum)

Tarikh:

PENGAKUAN PELAJAR

Saya mengaku bahawa projek Tahun Akhir bertajuk **“Pengurusan Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Koleksi Ukiran Topeng Sarawak Di Muzium Etnologi Sarawak”** ini adalah merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

.....
Tarikh

.....
(CRISTIE MISSELIN GUAN)

No. Matrik: 40969

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah saya yang mengajar subjek Projek Tahun Akhir (PTA) dari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif khususnya kursus Pengurusan Seni iaitu Encik Alexander Anak Chelum. Melalui tunjuk ajar yang telah diberikan oleh beliau sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran telah sedikit sebanyak membantu saya dalam menghasilkan kertas kerja kajian saya ini. Untuk kajian ini, saya telah memilih tajuk Pengurusan pemuliharaan dan pemeliharaan koleksi Ukiran Topeng Sarawak di Muzium Etnologi Sarawak.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua ibubapa saya kerana telah memainkan peranan yang penting dalam membantu saya dari segi sokongan moral dan juga kewangan. Sokongan dan dorongan yang telah diberikan memberi suntikan semangat kepada diri saya dalam menyiapkan kertas kerja kajian saya ini tanpa berputus-asa.

Malah, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak PKMA Unimas kerana dengan adanya perkhidmatan perpustakaan yang disediakan telah memudahkan saya dalam mencari segala bahan rujukan yang digunakan dalam kertas kerja saya ini.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada individu yang menolong saya secara langsung dan tidak langsung kerana tanpa bantuan semua orang saya tidak mungkin akan dapat menyiapkan kertas kerja kajian saya ini dengan baik dan lancar. Segala tunjuk ajar dan bimbingan yang saya perolehi akan saya gunakan untuk kemudahan saya di masa hadapan.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Pengesahan	i-ii
Pengakuan	iii-iv
Penghargaan	v-vi
Isi Kandungan	vii-x
Abstrak	xi
<i>Abstract</i>	xii
Senarai Rajah	xiii
Senarai Jadual	xiii
Senarai Singkatan	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan Bab	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2-3
1.2	Permasalahan Kajian	3-4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Skop Kajian	6
1.5.1	Muzium Etnologi Sarawak	7
1.5.2	Staf Jabatan Muzium Etnologi Sarawak	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.6.1	Masyarakat	8

1.6.2	Pengkaji Akan Datang	9
1.7	Rumusan Bab	10
BAB 2	SOROTAN KESUSASTERAAN/ KAJIAN LITERATUR	
2.0	Pengenalan	11
2.1	Definisi Muzium	12-13
2.2	Definisi Pengurusan	14-15
2.3	Definisi Pemuliharaan	15
2.4	Definisi Pemeliharaan	15
2.5	Definisi Topeng	16
2.6	Pengurusan Muzium	16
2.7	Tujuan Muzium	17
2.7.1	Tujuan Muzium Tertentu	17
2.7.2	Fungsi Muzium	18
2.7.3	Aktiviti Muzium	18
2.7.4	Peranan Pengurusan Muzium	18
2.7.5	Pengurusan Koleksi	19-20
2.8	Latar Belakang Sarawak	22
2.8.1	Asal Usul Nama Sarawak	22-23
2.8.2	Ukirian Topeng Sarawak	24-25
2.8.3	Ukirian Dari Suku Kaum Di Sarawak	25-27
2.8.4	Kategori Ukiran Topeng Sarawak	27-32
2.8.5	Proses Pembuatan Topeng	33-34
2.8.6	Misai, Janggut Dan Warna	35
2.8.7	Tujuan Seni Ukiran	36

2.8.8	Kepercayaan Karut Dan Pantang Larang	37
2.9	Rumusan	38
BAB 3	METODOLOGI PENYELIDIKAN	
3.0	Pengenalan	39
3.1	Lokasi Kajian	40-41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41-42
3.3	Kerangka Kajian	42-47
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	47
3.4.1	Data Primer	47-50
3.4.2	Data Sekunder	50-51
3.5	Sasaran Informan	52-53
3.6	Instrumen Kajian	53-56
3.7	Persampelan Kajian	57
3.8	Rumusan	58
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	59
4.1	Penganalisaan Data	60
4.2	Kaedah Temu Bual	61
4.3	Maklumat Daripada Informan	62
4.3.1	Hasil Kajian Objektif 1	63-80
4.3.2	Hasil Kajian Objektif 2	81-90
4.3.3	Hasil Kajian Objektif 3	91-102
4.4	Pemerhatian	103

4.5	Kajian Lapangan	104
4.6	Rumusan	105
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	106
5.1	Perbincangan	107-112
5.2	Penemuan Kajian	113-114
5.3	Implikasi	114-116
5.4	Cadangan	116-120
5.5	Kesimpulan	121-122
RUJUKAN		123-125
LAMPIRAN		126-137

ABSTRAK

Kajian ini adalah sebuah kajian mengenai Pengurusan pemuliharaan dan pemeliharaan koleksi Ukiran Topeng Sarawak di Muzium Etnologi Sarawak. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kaedah yang digunakan oleh pihak pemuliharaan untuk merawat koleksi Ukiran Topeng Sarawak di Muzium Etnologi Sarawak. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji bahan yang digunakan untuk merawat koleksi Ukiran Topeng Sarawak yang rosak dan cara pengendalian suhu, kelembapan dan cahaya yang sesuai digunakan untuk memastikan koleksi Ukiran Topeng Sarawak tersebut agar tidak mudah rosak. Segala dapatan kajian akan diterjemahkan melalui penulisan kajian pengkaji yang diperolehi melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan juga kajian lapangan. Pengkaji mensasarkan enam orang informan yang pakar mengenai koleksi Ukiran Topeng Sarawak di Jabatan Muzium Sarawak. Selain itu, dalam hasil kajian yang dijalankan, pengkaji menemui beberapa penemuan yang baharu iaitu mengenai cara atau kaedah konservasi.

ABSTRACT

This research is about The Management of Conservation and Preservation Masks of Sarawak Collections in Sarawak's Museum Etnology. The purpose of the research is to identify the method applied on Masks of Sarawak during the conservation process used by conservation department. Next, is to review the materials used to conserve the collections Masks of Sarawak and how to control the temperature, humidity, and light used to make sure the collections Masks of Sarawak not easily damage. The finding data will be elaborate into researcher's writing which is getting form the interview, observation and field study. The researcher targeting six expert's informants Masks of Sarawak in Sarawak Museum Department. Furthermore, based on the research had been done, the researcher found a new discovery which is the conservation method.

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

2.1 Jenis Ukiran Topeng Sarawak	33
--------------------------------------	----

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

2.1 Senarai Agen Perosak	21
3.1 Peta Muzium Sarawak	40

SENARAI SINGKATAAN

SENARAI SINGKATAN

LPO : *Local Purchase Order*

UV : *Ultra-Violet*

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Di dalam Bab 1 iaitu Bab Pengenalan ini, pengkaji akan menerangkan mengenai tentang latar belakang kajian. Melalui latar belakang kajian, jelaslah menunjukkan tempat yang akan dijalankan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga menyatakan beberapa permasalahan kajian yang membolehkan pengkaji mengkaji mengenainya. Bagi mencapai hala tuju dalam kajian, pengkaji turut menjelaskan objektif kajian dan persoalan mengenai kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Malah, bukan setakat itu, pengkaji turut menerangkan mengenai beberapa skop dan kepentingan kajian ini dijalankan.

1.1.LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Chang Pat Foh (1999), dalam buku beliau yang bertajuk *Legends & History of Sarawak* menyatakan bahawa Muzium Etnologi Sarawak adalah merupakan muzium yang telah ditubuhkan oleh Charles Brooke iaitu Rajah Kedua pada tahun 1860 dan Alfred Russell Wallace di atas pengaruh tersohor beliau. Selain itu juga, mereka juga menubuhkan muzium sementara pada 30 Oktober 1886 di Market Place di sepanjang Gambier Street Kuching. Muzium yang dibina pada tapak sekarang telah dibuka kepada orang ramai bermula pada 4 Ogos 1891.

Muzium Etnologi Sarawak ini telah berkembang secara tidak langsung. Namun masih lagi mengekalkan identiti dan keaslian masyarakat di Sarawak. Muzium ini masih lagi kukuh semasa Perang Dunia Kedua dan sehingga Sarawak mencapai kemerdekaan pada tahun 1963. Oleh sebab itu, muzium ini juga menerima pengiktirafan antarabangsa. Muzium ini bukan sahaja merupakan muzium yang hebat namun telah menjadi pusat penyelidikan di Borneo. Jurnal Muzium Sarawak juga telah diterbitkan untuk diedarkan sejak tahun 1910 sebagai edaran dunia.

Muzium Etnologi Sarawak ini merupakan salah satunya penjaga budaya dan sejarah Sarawak dan merupakan repositori kelas pertama kebudayaan Borneo dengan memiliki koleksi terbesar di dunia seperti flora dan fauna bagi kawasan Borneo. Tambahan pula, Muzium Etnologi Sarawak juga ditubuhkan sebagai salah satu jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak.

1.2. PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut artikel yang ditulis oleh Nur Mazwana Hamdan (Sinar Harian, 2015), beliau menyatakan bahawa masalah yang dihadapi dalam mengekalkan warisan nenek moyang ini adalah kekurangan tukang mahir. Pada masa kini, ramai generasi sekarang tidak berminat untuk menceburi dalam bidang tersebut. Golongan tukang mahir yang sedia ada pada masa sekarang terdiri daripada golongan tua dan amat sukar untuk melihat generasi muda sekarang menceburi dalam bidang kesenian. Bukan itu sahaja, tidak semua juga orang memiliki kepandaian dalam menghasilkan kesenian warisan nenek moyang ini.

Selain daripada itu, masalah yang dihadapi pada masa sekarang adalah kesukaran untuk mendapatkan bahan berkualiti dalam menghasilkan Ukiran Topeng Sarawak yang tahan lama dan mempunyai kualiti yang tinggi. Untuk menghasilkan Ukiran Topeng

Sarawak tersebut, mereka memerlukan bahan seperti kayu, kulit haiwan, benang, dan bahan-bahan daripada tubuh haiwan seperti kuku, tanduk, bulu dan sebagainya. Kita sedia maklum bahawa haiwan-haiwan liar tidak boleh dibunuh atau ditangkap sesuka hati bagi mengelakkan berlakunya kepupusan.

Bukan setakat itu, masalah lain yang dihadapi pada masa sekarang adalah perubahan gaya hidup. Jika dahulu masyarakat peribumi di Sarawak tidak menganuti sebarang agama dan lebih dikenali sebagai *Pagan*. Mereka mempercayai semangat dan roh nenek moyang. Namun, pada masa kini, hampir kesemuanya masyarakat peribumi di Sarawak telah mempunyai agama sebagai pegangan hidup.

Isu dalam kajian ini adalah mengenai kaedah yang digunakan oleh pihak pemuliharaan untuk merawat kerosakan yang berlaku terhadap koleksi Ukiran Topeng Sarawak di Muzium Etnologi Sarawak. Selain itu, mengkaji bahan yang digunakan untuk merawat koleksi Ukiran Topeng Sarawak di Muzium Etnologi Sarawak. Akhir sekali adalah, menyelidik cara pengendalian suhu, kelembapan dan cahaya yang sesuai digunakan dalam memastikan koleksi Ukiran Topeng Sarawak agar ia tidak mudah rosak.

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti kaedah yang digunakan oleh pihak pemuliharaan untuk merawat kerosakan yang berlaku terhadap koleksi Ukiran Topeng Sarawak di Muzium Etnologi Sarawak.
2. Mengkaji bahan yang digunakan untuk merawat koleksi Ukiran Topeng Sarawak di Muzium Etnologi Sarawak.
3. Menyelidik cara pengendalian suhu, kelembapan dan cahaya yang sesuai digunakan dalam memastikan koleksi Ukiran Topeng Sarawak agar ia tidak mudah rosak.

1.4. PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah kaedah yang digunakan oleh pihak pemuliharaan untuk merawat kerosakan yang berlaku terhadap koleksi Ukiran Topeng Sarawak di Muzium Etnologi Sarawak?
2. Apakah bahan yang digunakan untuk merawat koleksi Ukiran Topeng Sarawak di Muzium Etnologi Sarawak?
3. Apakah cara pengendalian suhu, kelembapan dan cahaya yang sesuai untuk digunakan sesuai dalam memastikan koleksi Ukiran Topeng Sarawak tersebut agar ia tidak mudah rosak?

1.5. SKOP KAJIAN

Bagi mencapai hala tuju dalam kajian ini, pengkaji telah menyatakan beberapa skop kajian yang terlibat dalam kajian ini. Skop kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai matlamat mengenai kajian yang dijalankan. Justeru itu, skop kajian ini adalah melibatkan:

1.5.1. MUZIUM ETNOLOGI SARAWAK

Muzium Etnologi Sarawak ini adalah merupakan tempat utama yang dipilih pengkaji sebagai tempat penyelidikan. Pengkaji memilih Muzium Etnologi Sarawak sebagai tempat penyelidikan kerana di Muzium Etnologi Sarawak ini mempunyai koleksi yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu koleksi Ukiran Topeng Sarawak.

1.5.2. STAF JABATAN MUZIUM ETNOLOGI SARAWAK

Staf Jabatan Muzium Sarawak yang terlibat adalah Bahagian Pemuliharaan, Bahagian Etnologi dan Pengurusan Koleksi, Bahagian Pameran dan juga Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Jabatan Muzium Etnologi Sarawak. Pengkaji mensasarkan informan berkenaan untuk memperoleh sumber maklumat yang sahih kerana mereka adalah terdiri daripada tenaga mahir dan pakar mengenai tajuk kajian yang pengkaji jalankan iaitu Ukiran Topeng Sarawak.

1.6. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amatlah penting untuk dijalankan kerana menerusi kajian ini ia akan memberikan implikasi yang positif dan berguna kepada semua lapisan masyarakat. Tambahan pula, kajian ini adalah bertujuan agar masyarakat lebih menghargai harta peninggalan nenek moyang terdahulu kerana ia adalah merupakan bahan budaya yang berharga dan tidak dapat dicari ganti. Di dalam kepentingan kajian ini, pengkaji telah mengklasifikasikan beberapa kepentingan kajian.

1.6.1. MASYARAKAT

Kepentingan kajian kepada masyarakat adalah dapat memberikan manfaat dan ilmu pengetahuan yang amat berguna kepada setiap lapisan masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat di Sarawak sendiri. Hal ini kerana, dengan adanya kajian ini dijalankan, masyarakat di Sarawak terutamanya akan dapat mengenali tentang asal-usul dan identiti sesuatu masyarakat tersebut.

1.6.2. PENGKAJI AKAN DATANG

Selain itu, kajian ini juga penting untuk dijalankan kerana ia dapat membantu pengkaji yang akan datang membuat rujukan. Hal ini amatlah membantu memudahkan pengkaji tersebut mendapat maklumat yang sahih. Malah, kajian ini penting kepada negara kerana pengkaji membuat kajian mengenai harta warisan yang terdapat di dalam negara khususnya Malaysia. Dengan adanya kajian ini dijalankan, maka bahan budaya akan dapat dikekalkan disebabkan pengkaji telah mengkaji cara-cara pemuliharaaan koleksi Ukiran Topeng Sarawak.